



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 19 MAC 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	KERAJAAN NEGERI TIDAK TERBABIT PENGAGIHAN BENIH PADI, HM -ONLINE	LAIN-LAIN
2.	PJKM DI PULAU PINANG CATAT JUALAN LEBIH RM2 JUTA, UM -ONLINE	
3.	PANTAU HARGA MAKANAN SEPANJANG RAMADHAN, UM -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

## Kerajaan negeri tidak terbabit pengagihan benih padi



Kuala Terengganu: Kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa dan tidak terbabit dalam pengagihan benih padi kepada petani.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, proses membekalkan benih padi kepada petani adalah urusan kerajaan pusat dan

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Proses pengagihan benih padi adalah dibawa bidang kuasa MAFI selepas melantik sembilan syarikat pembekal benih padi berlesen.

"Tiada syarikat daripada negeri ini diberi lesen untuk membekalkan benih padi kepada pesawah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Dr Azman berkata demikian sebagai menjelaskan dakwaan pihak tidak bertanggungjawab yang menuduh kerajaan negeri tidak adil apabila hanya mengagihkan benih padi kepada pihak tertentu sahaja.

Mengulas lanjut, beliau berkata, urusan membekalkan benih padi kepada pesawah diuruskan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) dan Pertubuhan Peladang Kawasan.

"Tiada pembabitan kerajaan negeri dalam menguruskan penagihan benih padi kepada pesawah seperti yang didakwa.

"Kerajaan negeri juga tidak pernah menyediakan sebarang peruntukan untuk skim bantuan benih padi berikutan skim subsidi sudah disediakan MAFI," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## PJKM di Pulau Pinang catat jualan lebih RM2 juta



ORANG ramai tidak melepaskan peluang membeli ayam segar pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang diadakan di pekarangan Masjid AlBukhary, Jelutong, Pulau Pinang hari ini.

GEORGETOWN: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang dijalankan di 71 buah lokasi dalam 13 Parlimen seluruh [Pulau Pinang](#) sejak Disember tahun lalu berjaya merekodkan jualan melebihi RM2 juta setakat hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Abdul Halim Hussain berkata, selain itu, PJKM di seluruh negeri ini juga mencatatkan kehadiran seramai 83,568 pengunjung.

Jelas beliau, angka itu menunjukkan PJKM menerima sambutan baik dalam kalangan penduduk setempat di kesemua lokasi terbabit sekali gus akan diteruskan pada masa depan.

“Pembeli disarankan supaya mengambil peluang yang ada di PJKM memandangkan barangan yang dijual di sini lebih murah iaitu antara 10 hingga 20 peratus daripada harga di pasaran,” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas meninjau PJKM serta sambutan Bulan Pengguna Kebangsaan (BPK) di pekarangan Masjid AlBukhary, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Penguatkuasa Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) negeri, Peter J. Berinus Agang.

Menurut Abdul Halim, PJKM turut mendapat kerjasama agensi kerajaan lain seperti Padiberas Nasional Berhad (Bernas); Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM); Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama); pasar raya dan pengusaha tempatan.

“Antara barang yang dijual sepanjang program ini seperti ayam, telur ayam, ikan, sayur-sayuran, barangan kering seperti bawang, cili kering, gula, minyak masak, tepung gandum, beras, makanan dalam tin dan barangan proses.

“PJKM ini diadakan untuk membantu golongan B40 mendapatkan barangan keperluan harian dengan lebih murah dan untuk program kali ini, kita jangka lebih 1,000 pengunjung akan datang ke sini hari ini,”katanya.

Tambahnya, PJKM Pulau Pinang diharap dapat menjadi pemangkin kepada pengguna untuk merancang pembelian dan membuat pilihan yang bijak bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan isi rumah.

Dalam perkembangan lain, Peter J. Berinus Agang berkata, PPDNHEP Pulau Pinang akan meningkatkan pemantauan harga barangan pada bulan Ramadan nanti.

**“Skim kawalan harga akan diumumkan nanti dan pasukan penguat kuasa akan sentiasa berada di lapangan untuk menjalankan pemantauan bagi memastikan harga kekal stabil.**

**“Pengguna juga boleh menyalurkan kepada KPDNHEP untuk tindakan selanjutnya jika berlaku sebarang kenaikan harga di pasaran,” katanya. –UTUSAN ONLINE**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Pantau harga makanan sepanjang Ramadan



ROSOL Wahid mengisi minyak motosikal penduduk di Pulau Redang di Kuala Nerus, hari ini.

KUALA NERUS: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memantau [harga makanan](#) terutama berasaskan ayam dan telur ayam pada bulan Ramadan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pemantauan akan dilakukan di semua premis perniagaan termasuk bazar Ramadan di seluruh negara sepanjang bulan tersebut bagi mengelak hari melambung tinggi.

“Ramai meramalkan harga makanan berasaskan ayam akan naik pada bulan Ramadan ini atas faktor kos bahan mentah, logistik dan tukaran wang asing.

“Apa pun saya mengingatkan golongan peniaga agar tidak terlibat dalam sebarang aktiviti pencatutan,” katanya kepada pemberita selepas memantau pelaksanaan Program Penyeragaman Harga di Pulau Redang hari ini.

Rosol berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang terlibat dalam aktiviti pencatutan sekali gus menasihatkan pengguna agar membuat aduan jika dikenakan harga tidak munasabah

Dalam pada itu, katanya, masalah bekalan bahan makanan tidak sepatutnya berlaku sepanjang Ramadan berikutan jaminan yang diberikan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) sebelum ini. – [UTUSAN](#)